

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : DATUK ABD RAHIM BIN BAKRI
[KUDAT]**

NO. SOALAN : 5

minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan setakat manakah proses perlaksanaan projek bekalan air luar bandar ke Kg. Suang Pai, Kudat (RM11.3 juta) dan Kg. Limau-Limauan, Kudat (RM23.3 juta) telah dapat dilaksanakan. Apakah tawaran kerja telah dibuat dan bilakah kerja-kerja di tapak dapat dimulakan dan bilakah ianya dijangka siap sepenuhnya.

JAWAPAN

Untuk makluman Yang Berhormat, kedua-dua projek tersebut iaitu Projek BALB Ke Kg. Suangpai, Kudat dan Projek BALB Kg. Limau-Limauan, Kudat telah ditender pada 26 dan 27 November 2018. Status terkini projek-projek ini adalah di peringkat penilaian tender dan kerja di tapak dijangka bermula pada bulan Mei 2019. Projek-projek tersebut dijangka siap sepenuhnya menjelang suku keempat tahun 2020 dengan tempoh pembinaan selama 15 hingga 18 bulan.